

19/04/2001

Piagam kesatuan diterima pakai

PERSIDANGAN Agung Kedua Kesatuan Universiti Negara Islam (FUIW), meluluskan dan menerima pakai piagam untuk kesatuan itu, yang pertama sejak penubuhannya pada 1987.

Setiausaha Agung FUIW, Dr Abdulaziz Othman Altwaijri, berkata piagam berkenaan menggariskan secara terperinci peranan FUIW serta tatalaku majlis eksekutifnya serta persidangan agung.

"Piagam ini akan mengawal selia kegiatan FUIW, selain menggariskan fungsi lain termasuk sekretariat agung, sistem pengundian, prosedur kewangan dan aspek perundangan kesatuan," katanya kepada pemberita di Persidangan Agung Kedua FUIW, di sini hari ini.

Beliau berkata, mesyuarat itu juga mengesahkan kemasukan 32 universiti yang mengemukakan permohonan pada sesi majlis eksekutif keempat, kelima dan keenam, dalam FUIW. Sesi keenam berlangsung di sini pada 15 dan 16 April lalu.

Setakat ini, FUIW dianggotai lebih daripada 180 universiti, termasuk dari negara Persidangan Pertubuhan Islam (OIC).

Dr Abdulaziz yang juga Ketua Pengarah Pertubuhan Pendidikan Islam, Saintifik dan Budaya (Isesco) berkata, pada hari terakhir persidangan berkenaan esok, FUIW akan mengeluarkan kenyataan mengenai keadaan di Palestin dan institusi pendidikan Palestin yang bermasalah akibat pencerobohan Israel.

Katanya, empat universiti di Palestin adalah anggota FUIW, dua daripadanya tidak menghantar wakil ke persidangan kali ini berikutan sekatan pergerakan mereka oleh regim Yahudi.

Beliau berkata, FUIW akan mengadakan persidangan agung ketiga di Universiti Sharjah di Emiriyah Arab Bersatu (UAE) pada Disember 2003.

Beliau turut menyatakan terima kasih kepada Dr Mahathir, kerajaan dan rakyat negara ini kerana sumbangan mereka dalam menjayakan persidangan itu.

(END)